

Kelestarian Pantun: Rencah dan Leluhur Bangsa Dulu, Kini dan Selamanya

SITI HAJAR CHE MAN

ABSTRAK

Pantun sebagai hasil kreatif manusia Melayu yang terawal. Dikatakan juga pantun sebagai khazanah silam yang amat bernilai, melambangkan genius manusia Melayu yang tinggi nilai sasteranya. Malahan pantun turut mempunyai nilai dokumentari yang tiada tandingannya. Pantun juga merupakan salah satu genre asli kesusasteraan menjadi wahana bagi pengucapan dalam berbagai jurusan aktiviti kehidupan masyarakat. Tidak ketinggalan pantun juga dijadikan alat ekspresi bagi kehidupan yang lebih tinggi iaitu moral dan agama, aspek-aspek yang lebih kompleks yang membawa kepada pemikiran kosmologi dan kosmogoni yang lebih bersifat abstrak berbanding dengan kehidupan seharian. Istimewanya pantun dapat merakam cara hidup dan aktiviti kehidupan dibayangkan dengan mengeksploitasi unsur-unsur alam yang melatari dan melingkungi persekitaran setempat. Berdasarkan tanggapan dan pandangan tersebut, maka kertas kerja ini akan meninjau tentang kerelevanan dan kesignifikan pantun di era pembangunan negara dan pembangunan insan yang begitu kuat dihambat oleh teknologi maklumat. Justeru di manakah hala tuju pantun? Apakah pantun masih relevan? Adakah pantun perlu diubahsuai supaya selari dengan keadaan semasa? Perlulah pantun hanya dijadikan sebagai pelengkap dan penyedap majlis? Adakah wajar pantun hanya dijadikan bahan gurauan? Berdasarkan permasalahan itu, fokus kertas kerja ini cuba meninjau bagaimana pantun sebenarnya adalah adat dan adab segala rencah budaya leluhur yang halus, tinggi dan murni. Justeru pantun perlu hadir bersama pembangunan negara sebagai asas pembentukan tamadun dan budaya. Sesungguhnya fungsi pantun terlalu tinggi darjatnya.

Kata kunci: kosmologi, tamadun, budaya dan leluhur

ABSTRACT

The pantun is the earliest creative works of the Malays. It is also said that the pantun is a valuable past treasure, that signifies the Malay genius that has a high worth. The pantun also has an unquestionable documentary value. The pantun is an original literary genre that has become a mode of speech in all aspects of human activity. The pantun is also used as an instrument for a higher stage of life such as moral and religion, more complex aspects of life such as cosmology and cosmogony that are more abstract compared to day to day life. Especially, pantun can capture the way of life and activity pictured by exploiting the universe's elements that are around a certain place. Based on these ideas, this paper will look at the relevance and significance of the pantun in the era of nation building that is pursued actively by information technology. Is the pantun still relevant? Should the pantun be changed to adapt to recent times? Thus, where is the pantun headed to? Should the pantun be only used to grace social events? Is it right for the pantun to be used as such? Should the pantun be used in a jocular manner? Based on the questions posed above, this paper tries to discuss why the pantun is a custom and also a symbol of courtesy in all aspects of ancestral culture that is fine, high and pure. Thus the pantun has to be present hand in hand with the development of the country as the foundation of civilisation and culture. In fact the pantun is ranked highly in society.

Key words: cosmology, civilisation, culture and ancestors

PENGENALAN

Wacana ini bermula dengan serangkap pantun:

Hendak daun diberi daun,
Dalam daun ada bidara;
Hendak pantun diberi pantun,
Dalam pantun ada bicara.

Serangkap pantun di atas dapat mencerminkan bahawa wacana yang cuba saya ketengahkan ini

memiliki pelbagai ujaran mengenai pantun yang dianggap rencah dan leluhur bangsa yang segar sepanjang zaman. Kenyataan ini ada hubung kait dengan kajian yang sedang dijalankan oleh Professor Diraja Ungku Aziz. Beliau berpendapat sejak 800 tahun yang lampau pantun sudah wujud pantun Melayu sebelum wujudnya William Shakespeare. Selanjutnya beliau berhujah bahawa orang-orang Melayu pada ketika itu sudah menghafal pantun-pantun ini kerana ketika itu minda mereka tidak

berkeladad dengan perkara-perkara lain. Jelas Ungku Aziz lagi, “mereka tidak perlu datang mesyuarat atau bermain golf” (*Mingguan Malaysia* Jun 2011). Sama ada lelaki atau perempuan mereka sangat pandai menggubah pantun, justeru pantun muncul sebagai genre puisi Melayu yang lahir daripada daya cipta masyarakat Melayu sepenuhnya.

Idea yang terungkap di dalam bait-bait pantun adalah bersifat berat dan *series* tetapi digayakan, di ragam, di lenggok dan disampaikan dalam bentuk yang ringan dan mudah, namun mesejnya amat mendalam, signifikan dan penuh bermakna. Tidak hairanlah sifat pantun sebegini rupa kerana rupa bentuknya selari dengan cerminan gaya hidup masyarakat Melayu yang amat menitikberatkan amalan budi bahasa, adap dan sopan, berhemah, berbudi pekerti, malu alah, tertib lendek serta sikap orang-orang tua yang menegah anak-anak muda khususnya daripada melakukan sesuatu dengan perkataan “jangan”. Teguran ini dijalinan dengan jalinan unsur-unsur simbol alam flora dan fauna supaya larangan dan halangan itu datang dalam keadaan yang lembut, ianya lebih berkesan.

Demikianlah sifat dan halusnaya bahasa dalam pantun Melayu. Lazimnya binaan pantun sebagai suatu bentuk sastra lisan dan masih berkedudukan begitu hingga sekarang (Harun Mat Piah 1989: 117), tidaklah dapat ditentukan tarikh ia dicipta namun cukup popular dalam kalangan masyarakat Melayu. Oleh sebab itulah dikatakan antara berbagai-bagai bentuk puisi di Semenanjung Malaysia dan Kepulauan Melayu, mungkin pantunlah yang memperlihatkan genius dan kesempurnaan seni sastra bangsa-bangsa yang telah digolongkan sebagai Melayu dengan jelas (Muhammad Haji Salleh 1999: 165). Situasi ini seolah-olah membenarkan bahawa genre pantun adalah warisan bersama yang kekal segar sepanjang zaman; perlu dipelihara untuk generasi yang akan datang. Sesungguhnya pantun tidak akan luntur atau hanyut walaupun arus kemajuan sekarang ditandai dengan pembangunan *information communication technology* sebagai tanda aras dunia tanpa sempadan, langit tanpa garisan. Pantun menjadi wadah cipta khususnya bagi bangsa-bangsa Melayu yang mengandungi jiwa, rasa, kebijaksanaan, keadilan dan budi bahasa Melayu. Winstedt pernah berkata, “tak ada sesiapa pun yang dapat mengagak keluasan pemikiran orang Melayu tanpa memahami pantunnya” (1999: 166). Ini adalah satu pengakuan yang memperlihatkan kehebatan pemikiran dan adab orang Melayu dari kaca mata Inggeris.

Kajian tentang pantun tidak terkira banyaknya, apatah lagi pantun dihubungkan dengan pelbagai situasi. Namun mengapa masih timbul keraguan kehadiran pantun di era teknologi? Mengapa keyakinan yang wujud 800 tahun yang lalu tidak lestari sifatnya? Walhal pantun ini menunjukkan kebijaksanaan, keadilan, dan kreativiti orang Melayu ketika itu. Hal ini juga membuktikan keupayaan orang Melayu jauh lebih baik dari sekarang yang sudah tidak tahu arah tujuhnya. Apakah punca luntur dan lusuhnya semangat pantun yang menjadi hak milik orang Melayu. Hal ini kerana orang Melayu dilihat tidak berbangga berbahasa Melayu. Mereka yang pergi belajar di luar negara khususnya kalau balik ke tanah air sudah tidak boleh berbahasa Melayu dengan baik, bahkan soal sastra apatah lagi tentang pantun mereka sudah tidak mahu menunjukkan minat. Kalau ada yang berminat pun mereka yang “terpaksa” atau sememangnya suka belajar dalam jurusan atau kajian sastra dan budaya Melayu (Ungku Aziz 2011: 7).

BENTUK DAN NILAI KESEDERHANAAN PANTUN

Pada kebiasaannya bentuk dasar pantun mengandungi empat baris. Khalayak juga maklum bahawa pantun juga boleh terbina antara lapan hingga dua belas suku kata, biasanya terdiri daripada empat atau lima perkataan, kerana perkataan Melayu biasanya berukuran dwisuku kata. Tetapi menurut kajian Muhammad Haji Salleh, pantun yang baik sering mempunyai hanya lapan, sembilan atau sepuluh suku kata sahaja (Muhammad Hj. Salleh 1999: 171). Namun wajar diketahui dan disedari bahawa dalam membina pembayang dan maksud, kerap kali pantun TIDAK terbina dengan perkataan ‘yang’, unik dan unggulnya pantun tidak ada kata sambung. Umpamanya lihatlah contoh di bawah :

Pucuk pauh berulam pauh
Petang-petang kacau inti,
Sayang saya berkasih jauh
Petang-petang hancur hati

Berasaskan pantun di atas, beberapa aspek dapat dirungkaikan. Misalnya pantun tidak hanya terbatas kepada perasaan dan pengalaman, tetapi juga dapat menyimpulkan hujah dan persoalan dalam empat baris yang direka. Oleh sebab sifat dan bentuk pantun ini kecil dan padat, maka penceritaan yang panjang lebar tidak mungkin dibawakannya. Apa yang dapat dikesan ialah cebisan kisah hidup manusia,

wawasan, bayangan perasaan. peristiwa yang dipadatkan dan kesan yang cepat. Justeru, penggunaan alam yang luas telah dimampatkan, dikentalkan, kenyataan hidup dan peristiwa yang panjang dipadatkan supaya dapat disusun rapi dalam ruang yang kecil dengan diksi yang tepat. Sedar atau tidak, tidak ada pembaziran dalam memilih diksi untuk mencipta pantun. Binaan seperti ini disebut sebagai *minimal art* yakni mengungkapkan dunia yang kompleks lagi sulit dalam ruang wacana yang kecil dipadankan pula dengan jumlah perkataan yang minima. Pemilihan harus rapi, padat, teliti, singkat tetapi indah. Di sinilah terletak keunggulan pencipta pantun. Pada hemat saya, pencipta pantun dapat diibaratkan seorang pengukir yang hebat, justeru pantun yang kekal dan segar sepanjang zaman adalah muncul dari pengalaman yang lama terjana dan bakat yang besar pula anugerah dariNYA. Apabila khalayak membaca dan menghayati pantun, sering kali akan timbul rasa takjub mengenai pemikiran dan kepenuhan perasaan yang disampaikan melalui baris-baris yang padat tetapi halus dan lembut alirannya. Tidak ketinggalan juga di sebalik pengisian pantun yang kaya dengan nilai-nilai kepintaran, terdapat juga unsur-unsur humor, erotik, wit, lelucon, jenaka, kelolo, sindiran, ironi yang kesemuanya dibina dari dandanan, imej, baris, makna yang rapi disusun menjadi cantik dan bermakna. Setiap perkataan menanggung beban bunyi, konotasi, rima, kesedapan, kesegaran dan pemikiran.

Sebagai hasil kreatif manusia Melayu yang terawal, pantun merupakan khazanah silam yang amat bernilai, bukan sahaja dari segi nilai sasteranya tetapi juga nilai dokumentarinya. Pantun membawa bersama-samanya seluruh perawakan; perwatakan tamadun Melayu silam – termasuk pemikiran, pandang alam, adab, adat dan segala rencah budaya leluhur yang halus dan tinggi. Seluruh rencah warisan inilah yang menjadi dasar untuk pembentukan tamadun dan budaya hari ini – mengarah manusia kini untuk menertibkan seluruh kehidupannya, memantapkan identiti dirinya terutama di tengah-tengah budaya kosmopolitan dan arus globalisasi. Yang amat jelas pantun merupakan satu bentuk ucapan bangsa, dan ucapan ini adalah sebahagian daripada apa yang diistilahkan oleh Paulson (1988) "*civilisation's communicative circuit*".

TAKRIFAN "BUDAYA" (*CULTURE*), "BERBUDAYA" (*CULTURED*)

Untuk memerihalkan persoalan budaya dan hubung kait dengan pantun, makalah ini merujuk kepada satu kajian yang pernah dijalankan oleh Noriah Taslim pada tahun 2007 berjudul "Pantun dan Pembudayaan Bangsa" (*Dewan Sastera Ogos*: 81-84). Kajian beliau cuba merungkaikan apakah yang diertikan dengan budaya dan bagaimana kaitan pantun dalam konteks berbudaya dalam erti kata tinggi budi pekerti dan bertamadun. Mengikut Raymond William (dalam Barker 2002) istilah "*culture*" dikaitkan dengan "*cultivation*" (dalam maksud bercucuk-tanam) hatta mempunyai konotasi "tidak liar" atau tidak "*uncultivated*". Konsep tersebut kemudiannya dikembangkan kepada situasi kehidupan manusia, maka "*to be a cultivated person was to be a cultured person*" (Barker 2002: 67). Istilah "*cultivated*" dalam petikan ini, mungkin dapat diterjemahkan sebagai "terdidik", "terasuh"; sementara "*cultured*" mungkin dapat diterjemahkan sebagai "berbudaya" (dalam erti tinggi pekerti, bertamadun). Konsep ini kemudiannya dimantapkan oleh Matthew Arnold; untuknya memiliki budaya (*acquiring culture*) adalah memiliki "*the best that has been thought and said in the world*" (dalam Barker 2004: 67), dan ia adalah "*the means towards moral perfection and social good*". Hatta tidak "berbudaya" dalam konteks tamadun manusia merujuk kepada golongan "*raw and uncultivated masses*" (Barker 2004: 67) yang kewujudannya bersifat "*anarchy*" (tidak tertib, kacau-bilau).

Demikian, dalam takrifan tersebut berbudaya membawa satu lapangan semantik yang mencakupi; ketertiban hidup, kehalusan rasa dan pekerti, kesempurnaan moral, keunggulan ilmu yang akan membawa kepada kebaikan sosial. Berdasarkan takrifan yang demikian, makalah akan menghalusi sumbangan pantun ke arah pembudayaan manusia / pembinaan manusia berbudaya "cultured" sebagai satu rencah dan leluhur bangsa dulu, kini dan selamanya. Dalam konteks inilah pantun wajar dilestarikan walaupun pantun dilihat tidak mempunyai nilai komersial (Rogayah A. Hamid 2009: 28). Ini satu kenyataan yang cukup mencabar pada sesiapa saja yang mencintai pantun dan Melayu. Hal ini kerana bangsa asing khususnya penjajah telah beratus tahun melihat khazanah ini yang amat tinggi nilainya. Bangsa Eropah telah mengangkut pulang segala khazanah dari bumi Melayu lalu dimuziumkan dan dipulihara di negara mereka, dan bangsa Melayu

terpaksa “meminta” dan “merayu” apa yang pernah menjadi milik negara telah dikebas orang!

KONVENSI PANTUN DAN PENDISIPLINAN MANUSIA

Pengkaryaan pantun menurut kepada pematuhan kepada hukum-hukum penciptaan yang tegar, konvensional, baik dari sudut bentuk, struktur dan bahasa. Pantun seperti teks lisan yang lain adalah diikat oleh kaedah penciptaan yang ketat dan ini menjadi prasyarat dan estetikanya. Penciptaannya dengan demikian menuntut kepada sikap berdisiplin, bukan sewenang-wenang atau sambil lewa. Pengkarya berhadapan dengan proses pengarang yang menuntutnya supaya mematu rima (hujung, tengah), mencipta ritma (jeda, aliterasi, asonansi, perulangan) mengawal dan menyusun baris, menyukat suku kata, memilih pembayang, merenung idea, memastikan kaitan antara idea dengan metafora. Proses kreatif yang tegar ini, dapat membina disiplin diri – ketekunan, kesungguhan, ketertiban, yang dapat memperkasa peribadi.

Penguasaan konvensi pantun pula dapat menanam kegemaran kepada pusaka tradisi, hatta menghormati nilai peribumi, membuka kesedaran pada jati diri, akar budaya tradisi yang dapat mengukuhkan peribadi daripada pencemaran budaya luar. Pantun dengan demikian bukan sahaja silam ke masa kini, tapi juga membudayakan bangsa melalui proses apresiasi dan kepengarangannya.

PENCIPTAAN PANTUN DAN BUDAYA SOPAN SANTUN

Pantun dicipta dalam konteks budaya tradisional yang amat mementingkan kesopanan berbahasa dan ketertiban berkomunikasi (lihat Noriah Taslim 2003). Penggunaan pantun (seperti penggunaan bentuk bahasa tamsilan yang lain) dalam komunikasi dapat mengelak kelancangan bicara atau keceloparan menyampaikan hajat atau maksud yang boleh merentak perasaan, memasamkan muka, lantas menimbulkan antagonisme dalam masyarakat. Terutama yang perlu dikawal ialah komunikasi emosi atau hasrat yang terlalu peribadi dan intim. Luahan yang langsung polos, sewenang-wenang, akan dianggap kasar, tidak beradab. Dalam situasi begini – merisik, meminjau mencumbu kasih, menyampaikan cinta dan rindu, malah menegur kesilapan dan menunjukkan kelemahan, pantun

dicipta untuk menyirat hajat dan hasrat melalui baris-baris metafora dan tamsilannya.

Contoh:

Pantun yang meluahkan rasa secara terkawal dan sopan:

Limau purut lebat di pangkal,
Sayang selasih condong uratnya;
Angin ribut dapat ditangkal,
Hati kasih apa ubatnya?

Atau menegur dan menasihati melalui tamsilan:

Kalau tuan pergi menebang,
Jangan lupa membawa tajak,
Jangan menurut resmi kiambang,
Pucuknya menghijau akar tak jejak.

Etos berkomunikasi dalam situasi-situasi demikian, di samping melatih adab dalam berkomunikasi, dapat pula membentuk peribadi yang berhemah dapat menertibkan dan mengawal tindakan dan emosinya (walaupun yang melimpah ruah). Peribadi yang begini akan melahirkan manusia yang seimbang, sentiasa mengawasi tindakan dan emosi. Keupayaan mengawal emosi bermakna juga keupayaan melawan nafsu. Dalam budaya Melayu, rasa dan nafsu selalu dilihat sebagai punca kejatuhan martabat manusia. Pepatahnya “ikut rasa binasa, ikut nafsu lesu” menyampaikan amaran tentang mudarat diri kerana terlalu mengikut rasa dan emosi. Keupayaan mengawal rasa dan nafsu adalah petanda kemuliaan insan. Etos berkomunikasi ini juga, membina keprihatinan terhadap emosi orang lain, dan batas-batas hak orang lain hatta mengelak sikap keterlaluan yang dapat menyakitkan hati, atau membangkitkan kemarahan orang lain. Dengan itu dapat menjana satu masyarakat yang saling menghormati hak dan hati orang lain. Jika etos yang begini diamalkan hari ini, kita mungkin dapat melihat lebih ramai orang yang “berbudaya” (Noriah Taslim 2007: 83).

Mengamalkan etos komunikasi dalam situasi yang demikian, bermakna kita memahami budaya Melayu yang halus dan beradab, menghargai adat yang bertujuan untuk menjaga hak dan maruah, tahu pula menyesuaikan kata dengan situasi bicara. Alangkah tingginya hemah diri manusia yang begini. Seperti kata gurindam; “Hendak mengenal orang yang berbangsa; sangat memelihara kata-kata”. Perhatikan adap dan tertib pantun Melayu dulu, kini dan selamanya:

Dulu

Timang tinggi-tinggi,
Sampai cucur atap
Belum tumbuh tinggi
Sudah pandai baca kitab

Kini

Timang tinggi-tinggi
 Sampai cucur atap
 Bila besar nanti
 Duduk dalam lokap

Selamanya

Timang tinggi-tinggi
 Parang sudah asah
 Alang-alang mandi
 Biar sampai basah

Kerelevanan pantun sudah lama terbukti cuma dalam kalangan masyarakat kurang sensitif dan memandang pantun hanya untuk penyeri majlis, lihat sajalah bagaimana pantun digunakan untuk hanya memeriahkan majlis, menimbulkan gelak tawa, menenangkan suasana mesyuarat atau menghiburkan khalayak dalam pelbagai acara umpamanya majlis persandingan, persidangan UMNO, malam puisi dan pelbagai acara seni. Walhal pantun mencakupi kesemua gaya hidup manusia. Justeru, sebagai rencah dan leluhur bangsa Melayu, pengisian pantun amat kaya dan sarat dengan nilai-nilai murni/moral. Setiap satu nilai ini mencerminkan jiwa raga manusia Melayu, umpamanya baik hati, berdikiri, berhemah, hormat, kasih sayang, keadilan, kejujuran, kerajinan, kebersihan, kesyukuran, kerjasama, kejiwaan, belas kasihan, bertimbang rasa, bermaaf-maafan, murah hati, berbudi pekerti, bersopan dan ramah mesra. Inilah kayu ukur jati diri, pembawaan diri, untung nasib dan kadar diri dalam kalangan orang Melayu dulu, kini dan selamanya namun sedikit-demi sedikit semakin tercemar dan dihakis kerana kepercayaan dan keyakinan orang Melayu sendiri terhadap seni sastera dan budaya semakin tipis, maka tipislah persona orang Melayu itu sendiri.

KEINDAHAN PANTUN DAN CITA RASA ESTETIKA

Sebagai bentuk puisi yang halus dan signifikan, yang bertujuan untuk menambat dan memujuk khalayak, mengesani jiwanya, pantun amat mementingkan keindahan. Dalam teori keindahan orang Melayu (Braginsky 1993), yang indah itu kerana sifat-sifat indahnya, mempunyai kesan yang kuat ke atas struktur jiwa, menjadikannya terpesona, berahi, dan mudah tertawan (melembut dan mengalah).

Mencipta pantun menuntut kepada keupayaan kreatif yang amat mencabar, ditokok kehalusan rasa

yang tinggi untuk membangunkan keindahan yang sempurna baik dari segi bentuk, struktur (luaran/pembayang dan dalaman/isi), bunyi (rima dan rentak) dan bahasa (imejan, metafora). Dalam pantun, keindahan tersebut terjelma melalui keharmonian bunyi, (keteraturan rentak, kesejahteraan rima dan baris), keelokan isi (makna dan moral) dan pengayaan bahasa (tamsilan, imejan). Contoh-contoh pantun di bawah mungkin dapat mengkonkritkan idea keindahan dan keelokan pantun:

Jika terbang, terbanglah bangau,
 Ikan senang beralih lubuk;
 Jika kering, keringlah danau,
 Senang belatuk tumpang duduk.

Jika kulurut padiku ini,
 Jikalau kulurut pecah batangnya;
 Jikalau kuturut hatiku ini,
 Jikalau kuturut padah datangnya.

Mencipta pantun dengan demikian akan menajamkan kepekaan terhadap keindahan (luaran) dan keelokan (dalaman), mendidik kehalusan rasa, memperkaya pengalaman emosi hatta meningkatkan penghayatan estetik baik pada lapis deria mahupun intelek, dan perkara-perkara ini meningkatkan kehalusan budaya insan. Mencipta pantun memerlukan penguasaan ilmu dan pengetahuan yang amat luas. Pembayang maksud membawa masuk bukan sahaja pengetahuan tentang unsur dan fenomena alam, tetapi juga i) geografi – lokasi dan nama bandar dan kampung, gunung, tasik, sungai, laut dan pantai, termasuk ciri-cirinya topografinya (laut yang banyak karang, laut yang cetek / dalam, pantai yang pasirnya putih atau berlokap) serta fungsinya (pelabuhan, menangkap ikan, pertanian); ii) sejarah : tugu sejarah – kota Melaka, peristiwa sejarah – serangan Feringhi, Laksamana yang mati dibunuh, tokoh sejarah – Hang Tuah, Siti Wang Kembang; iii) budaya : binaan, pertukangan, jenis kain dan pakaian, jenis senjata, makanan, masakan, adat-resam, kepercayaan, hobi / permainan dan lain-lain. Lantaran tema yang amat luas juga, maka untuk mengisi baris-baris isi, seorang pencipta pantun juga perlu memiliki pelbagai ilmu dan pengetahuan – adat-resam, agama, falsafah dan lain-lainnya. Umpamanya dalam pantun tentang kerasulan, ketauhidan dan ketentuan Allah, pantun Melayu mencatatkan:

Orang bersalam di dalam perahu,
 Makan ubi dengan kurma,
 Orang Islam hendaklah tahu;
 Bilangan nabi dua puluh lima.

Sirih dagang tumbuh di batu;
 Buluh hutan buatkan galah,
 Kasih sayang tak boleh tentu;
 Jodoh pertemuan di tangan Allah.

Serindit terbang rendah;
 Terbang mari menyongsong angin;
 Siapa tauhid kepada Allah,
 Masuk syurga Jannatulnaim.

Namun di era globalisasi estetika pantun telah mula tercemar bersama arus dan sikap manusia Melayu juga yang kuat terpengaruh dengan asakan kemajuan, budaya asing, gaya hidup, teknologi dan media massa, Internet, Twitter, Blog, Youtube, email dan Facebook. Kehidupan manusia yang diringkaskan menjadi cepat, mudah, senang sebenarnya membentuk gaya hidup yang kalut, kelam kabut, kasar, serabut dan tidak senonoh. Itulah juga yang terjadi kepada pantun. Lihat sajalah keindahan pantun yang tercemar (Rogayah A.Hamid 2009:29):

Pen merah, pen biru
 You marah I love you

Pergi ke kedai naik basikal
 I say goodbye

Naik basikal ke kedai Bata
 Goodbye...tata.

My darling, my lover, my beautiful wife,
 Marrying you screwed up my life

I see your face when I am dreaming,
 That's why I always wake up screaming

Ada ketikanya pengisian pantun diasosiasikan dengan kehidupan manusia kosmopolitan yang kelihatannya sentiasa mengejar masa dan kerap kali menyebut "tak cukup masa" dan kadang-kadang "tak dak masa". Entah apa yang direbut, entah apa yang digelut, pada hal ulama telah pun menasihati dan mengingatkan "buatlah amal ibadat seolah-olah nak mati esok, buatlah kerja dunia seolah-olah kita nak hidup selamanya." Ini bererti kerja dunia boleh ditangguhkan memandangkan setiap orang itu ada masa yang panjang, jadi tidaklah perlu direbut, namun tugas, kerja dan amalan akhirat sama sekali tidak boleh ditangguhkan kerana esok akan menemui ajal. Pantun Melayu di era pascamerdeka turut merakamkan gaya hidup kontemporari, antaranya:

Rumah kaca aura Atlantik
 Maskare fesyen bunga kertas
 Rupa bergaya paras cantik
 Kerjanya tip-top ada kelas

Bunga kertas Laut Pasifik
 Selat Melaka tak gelora

Jaga diri jangan fasik
 Minta jauh azab sengsara

Bunga kertas merah sekunder
 Frem aluminium ultra ungu
 Visi misi datang mengalir
 Dunia global haru biru.

Lihatlah pembayang yang digunakan langsung tidak memperlihatkan kelembutan, kesenian, tertib dan sopan orang Melayu selari jugalah dengan budaya dan amalan masyarakat di era teknologi. Berbanding dengan pantun Melayu yang diselarikan dengan gaya hidup moden tetapi masih mengekalkan kesantunannya. Justeru Usman Awang memulakan pantun modennya dengan apologi kepada pujangga tak bernama, pencipta pantun aslinya. Perhatikan salah satu pantun berikut:

Pisang emas dibawa belayar,
 Masak sebiji di atas peti,
 Hutang emas tidak terbayar
 Hutang ceti dibawa lari

Apa guna kepuk di ladang;
 Kalau tidak berisi padi,
 Apa guna hidup membujang,
 Tidur malam syok sendiri.

Kiri jalan kanan pun jalan,
 Di tengah-tengah pohon mengkudu;
 Kirim jangan pesan pun jangan;
 Sama-sama kepala batu

Sorong papan tarik papan,
 Buah keranji dalam perahu;
 Suruh makan tuan makan;
 Suruh mengundi haram tak mahu

KESIMPULAN

Kertas kerja ini telah memilih untuk memberikan fokus kepada proses pengkaryaan pantun dan bagaimana keterlibatan dan pengalaman kreatif ini dapat membudayakan manusia, meningkatkan sifat kemanusiaan dan kemasyarakatannya, mengasah kepekaannya terhadap alam dan persekitaran, budaya dan sejarahnya. Memang pantun berbicara tentang manusia, dan seperti bentuk sastera tradisional yang lain pantun membawa "suara" kolektif masyarakatnya. Sebagai seni sosial, pantun amat terlibat dengan tuntutan untuk mendidik, dan membudayakan ahli masyarakatnya. Pantun seumpama sebuah ensiklopedia atau "buku" adab dan tradisi yang tiada tolok bandingnya. Perincian dalam pantun itulah cerminan kerencahan dan leluhur bangsa dulu, kini dan selamanya. Saya akhiri

makalah ini dengan visi dan misi yang didambakan oleh seorang Profesor dalam bidang ekonomi tetapi menaruh minat yang mendalam dalam bidang seni dan budaya. Katanya, “bagi saya pantun menunjukkan kebijaksanaan dan kreativiti orang Melayu ketika itu. Ini membuktikan keupayaan orang Melayu jauh lebih baik dari sekarang” (Ungku Aziz 2011: 7). Pandangan ini amat mendalam dan cukup mencabar sikap, pemikiran dan pendirian orang Melayu kini terhadap bangsanya sendiri yang semakin goyah. Itulah salah satu rahsia yang tersembunyi di sebalik rangkap pantun, “ dalam pantun ada bicara”.

RUJUKAN

- Barker, C. 2004. *Cultural Studies: Theory and Practice*. London: SAGE Publications.
- Harun Mat Piah. 1989. *Puisi Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- I. Gusti Ngurah Bagus. 2002. *Keberadaan Pantun Bali Masa Kini*. Denpasar: Universitas Udayana.
- Muhammad Hj. Salleh. 1999. *Menyeberang Sejarah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noriah Taslim. 2007. Pantun dan Pembudayaan Bangsa. *Dewan Sastera*. Ogos: 81-84.
- Rogayah A. Hamid. 2009. Ragam dan Pola Pembayang dalam Pantun Melayu. *Dewan Sastera*. Mei: 28-32.
- Wawancara. 2011. Ku Seman Ku Hussain & Hafizahril Hamid bersama Profesor Diraja Ungku Abdul Aziz bin Ungku Abdul Hamid. “Saya bangga sebagai Melayu”. *Mingguan Malaysia*. 19 Jun: 7.

Siti Hajar Che Man, Ph.D.
Profesor Madya
Bahagian Kesusasteraan
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia
11800 USM, Minden, P. Pinang, MALAYSIA.
E-mail: shajar@usm.my